



# Mahasiswa UMS perlu kuasai semua bidang

UB 24/11/2011 B7

KOTA KINABALU: Dalam melahirkan modal insan kelas pertama, para graduan dan mahasiswa Universiti Malaysia Sabah (UMS) bukan sahaja dituntut menguasai bidang akademik bahkan pencapaian dalam aktiviti kemahasiswaan juga perlu dititikberatkan.

Ini terbukti apabila mahasiswa dari institusi itu telah mengecapi pelbagai kejayaan dalam pelbagai bidang termasuk sukan, penyelidikan dan juga aktiviti kemasyarakatan.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Universiti Malaysia Sabah (UMS), Profesor Madya Datuk Dr

**RASMI ... Juhar menyempurnakan gimik perasmian dengan memetik gitar tanda perasmian Tamu Gadang ke-13.**

Kasim Md Mansur berkata demikian pada Majlis Perasmian Tamu Gadang ke-13 UMS di Dataran Dewan Canselor kampus universiti itu di sini, kelmarin.

Majlis yang meriah itu telah dirasmikan oleh Yang Dipertua Negeri merangkap Canselor UMS, Tun Juhar Mahiruddin.

Katanya, aktiviti kemahasiswaan merupakan salah satu usaha ke arah mendidik dan membekalkan para mahasiswa dengan kemahiran insaniah yang sangat berguna.

“Penerapan nilai-nilai murni yang bersifat sejagat serta keterbukaan berfikir dengan penuh tanggungjawab dalam kalangan pelajar akan memacu ke arah mencapai hasil kerja yang optimum dan berkualiti tinggi.

“Ini kerana golongan mahasiswa merupakan harapan negara untuk menjana suasana positif pembangunan

negara demi mencapai aspirasi menuju ke arah negara maju menjelang tahun 2020,” tambah Kasim.

Dalam pada itu, beliau menyeru agar semua mahasiswa UMS mengambil kesempatan memeriahkan lagi semangat Tamu Gadang kali ini yang telah diisi dengan pelbagai aktiviti seperti pameran, demonstrasi, pertandingan dan lain-lain lagi.

Tamu Gadang bersempena Majlis Konvokesyen ke -13 universiti itu telah bermula sejak 21 November dan berakhir pada 2 Disember depan.

Turuthadir, Isteri Tuan Yang Terutama, Toh Puan Norlidah RM Jasni, Pengerusi Lembaga Pengarah UMS, Tan Sri Abdul Hamid Egoh, Naib Canselor UMS, Brigadier Jeneral Profesor Datuk Seri Kamaruzaman Ampon, tenaga pengajar serta pelajar UMS.